








# PANDUAN SISTEM KOD IDENTIFIKASI PLASTIK

Kebanyakan bahan pembungkus atau bekas makanan / minuman plastik diperbuat daripada enam (6) jenis resin yang biasa: *polyethylene terephthalate* (PET atau PETE), *high-density polyethylene* (HDPE), *polyvinyl chloride* (PVC atau V), *low-density polyethylene* (LDPE), *polypropylene* (PP) dan *polystyrene* (PS). Setiap jenis resin ini diwakili oleh 'nombor' di bawah Sistem Kod Identifikasi Plastik.

Sistem kod ini telah dicipta oleh *The Society of Plastics Industry* (sebuah persatuan perdagangan di Amerika Syarikat) pada tahun 1988 bagi tujuan kitar semula. Sistem kod ini terdiri daripada Nombor 1 hingga 7. Setiap nombor pada simbol kitar semula tersebut menunjukkan jenis-jenis bahan plastik yang digunakan untuk menghasilkan pembungkus atau bekas makanan dan minuman plastik.

## 7 kumpulan kod plastik

KOD	JENIS PLASTIK	CIRI-CIRI	KEGUNAANNYA
 PET	PET atau PETE <i>Polyethylene Terephthalate</i>	Jernih, tahan, penghalang gas dan kelembapan	Botol bagi minuman ringan, air mineral semulajadi, air minuman berbungkus dan sapuan ( <i>peanut butter</i> )
 HDPE	HDPE <i>High Density Polyethylene</i>	Keras, separa fleksibel, tahan kelembapan, telap gas	Minuman yoghurt dan botol jus
 PVC	PVC atau V <i>Polyvinyl Chloride</i>	Kuat, tahan, fleksibel dan elastik	Plastik pembungkus ( <i>Cling films</i> ).
 LDPE	LDPE <i>Low Density Polyethylene</i>	Lembut, fleksibel, tahan, mudah calar	Plastik pembungkus ( <i>Cling films</i> ), penutup bekas makanan dan botol fleksibel ( <i>squeezable</i> ) seperti mayonis dan sos BBQ.
 PP	PP <i>Polypropylene</i>	Keras tetapi masih fleksibel, serbaguna	Bekas makanan untuk ketuhar gelombang mikro, straw dan botol susu bayi.
 PS	PS <i>Polystyrene</i>	Tahan, separa-keras, dipengaruhi lemak	Perkakasan plastik pakai buang seperti bekas pembungkus makanan, pinggan, cawan, gelas dan lain-lain.
 OTHER	OTHER (menunjukkan bekas makanan tersebut diperbuat daripada lain-lain plastik selain kod 1-6 ( <i>single material</i> ) atau kombinasi di antara plastik 1-6)  Contoh : <i>Polycarbonate</i> (PC), <i>Polyethersulfone</i> (PES), <i>Polyamides</i> (PA)	Bergantung kepada jenis dan kombinasi plastik.	Bekas menyimpan minuman ( <i>tumbler</i> ), botol susu bayi dan lain-lain